

Islamisasi & Integrasi Ilmu Dalam Pengajian Islam: Senario Semasa Pengajian Tinggi Negara

Norazmi Anas¹

Engku Ahmad Zaki Engku Alwi²

Nurul Hidayah Aziz³

Amin Haji Che Ahmat⁴

Muhd Imran Abd. Razak⁵

Ahmad Fadhir Mat Dahan⁶

ABSTRAK

Islam merupakan satu sistem kehidupan yang mencakupi tiga pola hubungan asas iaitu hubungan manusia dengan Allah, manusia sesama manusia dan manusia dengan makhluk lain. Ketiga-tiga pola perhubungan tersebut boleh direalisasikan melalui pembentukan tiga paksi tunjang dalam Islam iaitu akidah, ibadah dan akhlak. Penulisan kertas kerja konseptual ini bertujuan untuk mendedahkan tentang senario semasa dan sambutan masyarakat terhadap Pengajian Islam di Universiti Awam (UA) serta Institusi Pengajian Tinggi (IPT) di Malaysia. Selain itu, konsep Islamisasi dan integrasi ilmu pengetahuan juga dibincangkan berikutan kedua-dua konsep tersebut diaplikasi dalam sistem pengajian tinggi negara khususnya dalam bidang Pengajian Islam melalui metodologi analisis konseptual. Secara umumnya, pendekatan Islamisasi dan integrasi ilmu pengetahuan dalam bidang Pengajian Islam di Universiti Awam (UA) dan Institusi Pengajian Tinggi (IPT) telah melahirkan bidang-bidang pengajian baharu yang bersifat multi-disiplin selari dengan keperluan semasa negara dan industri. Oleh yang demikian, bidang-bidang ini perlu ditambahbaik dari semasa ke semasa dalam usaha mencapai negara maju pada tahun 2020.

Katakunci: Islamisasi, Integrasi, Pengajian Islam & Pengajian Tinggi Negara

¹ Norazmi Anas, M.A. Usuluddin, Pensyarah, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, Kampus Tapah, norazmianas@perak.uitm.edu.my.

² Engku Ahmad Zaki Engku Alwi, Ph.D Akidah & Pemikiran Islam, Professor, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong Badak, drkuzaki@unisza.edu.my.

³ Nurul Hidayah Aziz, M.A.Usuluddin, Pensyarah, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, Kampus Tapah, nurul863@perak.uitm.edu.my

⁴ Amin Haji Che Ahmat, M.A. Usuluddin, Pensyarah, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, Kampus Tapah, amin132@perak.uitm.edu.my

⁵ Muhd. Imran Abd. Razak, M.A. Fiqh & Usul, Pensyarah, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, Kampus Tapah, imranrazak@perak.uitm.edu.my

⁶ Ahmad Fadhir Mat Dahan, M.A. Pengajian Islam, Pensyarah, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, Kampus Jengka, ahmadfadhir@pahang.uitm.edu.my

ABSTRACT

Islam is a living system which covers the three basic pattern of human relationship with God, fellow human beings with human beings and other creatures. All three of these relationships can be realized through the establishment of three axes, namely Islam rooted in faith, worship and morality. Writing this conceptual paper aims to reveal about the current scenario and the public celebration of Islamic Studies at the Public University (UA) and Higher Education Institutions (IPT) in Malaysia. In addition, the concept of Islamization and the integration of science also discussed the two concepts are applied in national higher education systems, especially in the field of Islamic studies through conceptual analysis methodology. Generally, the approach of Islamization and the integration of science in Islamic Studies at the Public University (UA) and Institutions of Higher Learning (IPT) have spawned new disciplines that are multi-disciplinary in line with the current needs of the country and the industry. Therefore, these areas need to be improved from time to time in order to achieve a developed nation by 2020.

Keywords: Islamization, integration, Islamic Studies and the National Higher Education

Pendahuluan

Rasid (2010) menyatakan bahawa Islam merupakan satu sistem kehidupan yang mencakupi tiga pola hubungan yang asas iaitu hubungan manusia dengan Allah, manusia sesama manusia dan manusia dengan makhluk lain. Menurut beliau lagi, untuk merealisasikan ketiga-tiga pola perhubungan asas tersebut, tiga paksi asas telah dibentuk dalam Islam sebagai teras iaitu akidah, ibadah dan akhlak. Kenyataan di atas disokong oleh Mohd Asri et al. (2006 & 2009) yang menjelaskan secara terperinci berkenaan prinsip-prinsip asas Islam merangkumi akidah, syariah, ibadat dan akhlak, manakala Ustazi (2007) menyatakan secara umum tiga asas kehidupan manusia iaitu mengenal Tuhan, mengenal agama dan mengenal rasul. Oleh yang demikian, dapat dirumuskan bahawa ilmu Pengajian Islam berpaksikan tiga asas Islam yang disebutkan di atas iaitu akidah, syariah & akhlak. Isu-isu sains moden sangat berkait rapat dengan persoalan kepercayaan agama, etika dan akhlak seperti yang dinyatakan oleh Purohit (2005) dan Smith (1988 & 2009). Antara isu-isu kemanusiaan yang sering menjadi perbincangan hangat dalam kalangan ulama' dan saintis ialah pengklonan manusia, biologi molekul dan kejuruteraan genetik (Shaikh Mohd. Saifuddeen et al., 2005).

Pengajian Islam Di Universiti Awam (UA) & Institusi Pengajian Tinggi (IPT)

Perbincangan mengenai Pengajian Islam di UA dan IPT merujuk kepada tulisan pembentang-pembentang kertas kerja dalam beberapa seminar berkaitan pendidikan dan Pengajian Islam dalam dekad yang lalu oleh Muhamad Muda (2008), Zainudin (2003), Abdul Monir (2003), Ajmain@ Jimaain & Ramli (2008), Muhamad Rahimi & Ghazali Sulaiman (2008), Mohd. Bakhir (2008) dan Mohd Khairi & Zulkefli (2008). Beberapa isu diketengahkan dalam

penulisan mereka. Pertamanya berhubung matlamat dan fungsi penubuhan IPT berteraskan Islam. Kedua, senario semasa Pengajian Islam di IPTA dan IPTS. Seterusnya yang terakhir, realiti dan cabaran Pengajian Islam di universiti-universiti tempatan. Menurut Muhamad Muda (2008), pendidikan tinggi Islam telah bermula pada tahun 1960-an melalui kewujudan Jabatan/Bahagian Pengajian Islam (*Department of Islamic Studies*) di Universiti Malaya yang kini dikenali Akademi Pengajian Islam (*Academy of Islamic Studies*) atau singkatannya APIUM. Permulaannya, Pengajian Islam di APIUM dibahagikan kepada tiga bidang utama iaitu Syariah, Usuluddin dan Pengajian Islam. Ekoran perkembangan pendidikan di Malaysia, kursus Pengajian Islam kini digabungkan dengan pengajian moden seperti pengurusan, ekonomi dan sains komputer. Beliau juga menyatakan bahawa pada masa kini terdapat lima buah IPT yang menawarkan ijazah (sarjana muda, sarjana atau PhD) dalam Pengajian Islam dan tujuh institusi peringkat pertengahan (kolej) menawarkan Pengajian Islam di peringkat sijil dan diploma. Selain Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) juga telah menawarkan Pengajian Islam melalui Fakulti Pengajian Islam. Fakulti tersebut menawarkan kursus Pengajian Islam dari peringkat prasiswazah (*undergraduate*) sehinggalah pascasiswazah (*post-graduate*). Bidang kepakaran dibahagikan kepada beberapa bidang iaitu syariah, usuluddin dan falsafah, dakwah & kepimpinan, Al-Quran & Al-Sunnah dan Pengajian Arab & Tamadun Islam. Selain itu, terdapat juga kursus Pengajian Islam yang digabungkan dengan bidang lain seperti ekonomi dan teknologi maklumat (IT). Beberapa UA lain yang menawarkan kursus Pengajian Islam ialah Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM), manakala IPTS yang ada menawarkan kursus Pengajian Islam pula seperti Kolej Universiti Antarabangsa Selangor (KUIS) di Selangor dan Kolej IKIP di Pahang.

Zainudin (2003) menghuraikan matlamat dan fungsi penubuhan IPT berteraskan Islam. Secara umumnya, beliau menegaskan bahawa kewujudan pelbagai institusi dalam masyarakat Islam hanyalah untuk mendapatkan keredhaan Allah s.w.t dan merupakan teras utama dalam kehidupan setiap Muslim. Dari sudut tanggungjawab pula, pihak berwajib dan pemimpin sesebuah kerajaan khususnya kerajaan Islam, penubuhan IPT berteraskan Islam merupakan asas tanggungjawab kepimpinan dan kewalian (*al-wilayah*) yang perlu dipenuhi. Secara spesifiknya pula, beliau menghuraikan matlamat tersebut berdasarkan enam contoh IPT yang ada di seluruh dunia seperti Kolej Islam Malaya (1955), Universiti Al-Azhar, Institusi Agama Islam Negeri (IAIN) Indonesia, Institut Pengajian Islam Sultan Umar Ali Saifuddin Sa'dun Khairi Waddin (Universiti Brunei Darussalam), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan Institusi Pemikiran dan Tamadun Islam Antarabangsa (ISTAC). Kesemua institusi yang dinyatakan di atas mempunyai matlamat yang sama iaitu melahirkan sarjana, cendekiawan dan graduan yang mempunyai asas agama Islam yang kukuh hasil penerapan Pengajian Islam dalam sistem pembelajaran dan pengajarannya di samping tidak mengabaikan ilmu-ilmu moden yang menjadi fokus utama dunia hari ini.

Pengajian Islam : Senario Semasa Pengajian Tinggi Negara

Abdul Monir (2003) menekankan tentang Pengajian Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS) dalam perbahasan beliau berkaitan Pengajian Islam. Sejak tahun 1983, kursus Tamadun Islam telah mula diperkenalkan dan dilaksanakan di IPT hasil idea dan saranan Perdana Menteri Malaysia ketika itu Y.A.B Dato' Dr. Mahathir Mohamad. Matlamatnya adalah

untuk memperkenalkan keunggulan Islam melalui subjek TITAS kepada semua pelajar IPT sama ada yang beragama Islam atau tidak. Subjek TITAS ini merupakan subjek wajib untuk dipelajari oleh semua pelajar sebelum menamatkan pengajian mereka di IPT. Selain itu, masyarakat bukan Islam sering didedahkan dengan pandangan negatif dan serong berkenaan agama Islam seperti agama keganasan, kemunduran, kemiskinan, diskriminasi wanita dan sebagainya. Oleh itu, secara tidak langsung subjek TITAS ini akan memberi pandangan yang sebenar berhubung dengan agama Islam. Menurut Ajmain@Jimaain & Ramli (2008) pula, subjek TITAS mula diperkenalkan di Universiti Teknologi Malaysia (UTM) pada tahun 1999 atas arahan Kementerian Pendidikan. Subjek ini telah menggantikan subjek Pendidikan Islam dan Falsafah Sains sebagai subjek umum di UTM. Muhamad Rahimi & Ghazali (2008), di Universiti Teknologi Mara (UiTM), pelajar-pelajar perlu mengambil dua subjek umum iaitu TITAS 1 dan TITAS 2. Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif pihak pengurusan dan pentadbiran UiTM pada 29 Mei 2000 telah memutuskan pelaksanaan TITAS 1 di peringkat diploma melibatkan 3 semester iaitu 6 jam kredit sahaja dan kini dikenali dengan TITAS. Manakala di peringkat ijazah pula, pelajar hanya perlu mengikuti kursus Hubungan Etnik sahaja bagi menggantikan subjek TITAS 2. Oleh itu, pelaksanaan TITAS dilihat mampu memberi impak positif kepada pelajar-pelajar sama ada di IPTA atau IPTS, sama ada Muslim atau tidak.

Mohd. Bakhir (2008), kewujudan Kulliyah Ulum Wahyu di UIAM memberi impak besar dalam usaha melahirkan insan bertakwa kepada Allah s.w.t hasil pembelajaran ilmu-ilmu Islam. Matlamat penubuhan UIAM pada dasarnya untuk menerapkan ilmu-ilmu Islam kepada pelajar-pelajarnya. Jika demikian, memadailah kewujudan Kulliyah Ulum Wahyu semata-mata. Realitinya, UIAM kini mempunyai 15 kulliyah berteraskan disiplin ilmu yang pelbagai di samping penerapan ilmu-ilmu Islam. Konsep yang diamalkan di UIAM ialah Islamisasi ilmu terhadap beberapa bidang yang dibawa masuk dari Barat iaitu sosiologi, antropologi dan lain-lain. Maka dilihat bahawa UIAM bersungguh-sungguh untuk menerapkan Pengajian Islam terhadap pelajar-pelajarnya. Mohd. Khairi & Zulkefli (2008) pula membahaskan berkenaan peranan Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) dalam konteks Pengajian Islam di Malaysia. KUIS merupakan sebuah institusi pengajian tinggi swasta yang diasaskan oleh Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS). Matlamatnya adalah untuk memartabatkan pendidikan tinggi Islam di negeri Selangor. Kurikulum KUIS menumpukan dua cabang disiplin ilmu iaitu ilmu naqli (*revealed knowledge*) dan ilmu aqli (*acquired knowledge*). Oleh itu, peranan memartabatkan ilmu Islam bukan sahaja terletak pada IPTA semata-mata malahan ianya perlu disokong oleh IPTS juga. Muhamad Muda (2008), Pendidikan Islam di Malaysia melalui pelbagai cabaran dalam usaha memartabatkan Islam di persada dunia. Pelbagai tohmahan dan cemuhan negatif dilontarkan kepada Islam menyebabkan umat Islam mula terpengaruh dengan dakyah Barat serta meninggalkan ajaran Islam sedikit demi sedikit. Empat cabaran utama yang menjadi fokus perbincangan dalam artikel beliau merujuk realiti Pendidikan Islam di Malaysia kini iaitu (i) Menyelaraskan kurikulum sekolah selari dengan kehendak universiti, (ii) Meningkatkan peluang pekerjaan kepada graduan Pengajian Islam, (iii) Merekabentuk kurikulum holistik hasil integrasi Pengajian Islam dengan bidang ilmu moden dan (iv) Meletakkan kedudukan Pendidikan Islam selari dalam hubungan antara agama-industri.

Cabaran pertama melibatkan usaha pihak kerajaan atau Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk menyelaraskan kurikulum sekolah yang sedia ada supaya selari dengan kehendak universiti. Calon-calon yang mempunyai latar belakang Pengajian Islam mempunyai pilihan terhadap terhadap program-program yang ditawarkan di IPT. Ini kerana subjek-subjek yang

diambil di peringkat sekolah tidak sesuai dengan program-program tersebut. Maka, kesannya pelajar-pelajar tersebut hanya dapat mengikuti program-program berteraskan Pengajian Islam semata-mata dan peluang bagi mereka untuk mengikuti program-program selain Pengajian Islam seperti sains dan teknologi tertutup rapat. Oleh yang demikian, pihak bertanggungjawab terhadap sistem pendidikan peringkat sekolah perlu mengambil langkah dan inisiatif menyemak semula silibus-silibus tersebut supaya ianya dapat disesuaikan dengan program-program yang ditawarkan di peringkat pengajian tinggi. Saranan ini selari dengan kenyataan Abdul Shukor (2008) yang menyatakan bahawa penghayatan ilmu pengetahuan tidak seharusnya dihadkan kepada Pengajian Islam semata-mata malahan perlunya diberi penekanan serius berhubung ilmu-ilmu moden. Cabaran kedua pula melibatkan graduan yang telah menamatkan pengajian di IPT iaitu bersaing untuk mendapatkan peluang pekerjaan. Era globalisasi masa kini memerlukan graduan yang mahir dalam pelbagai disiplin ilmu dan kemahiran untuk menarik minat majikan untuk menawarkan pekerjaan kepada mereka. Graduan Pengajian Islam dilihat mempunyai asas etika, nilai dan integriti yang tinggi hasil ilmu Islam yang dipelajari. Tetapi sektor pekerjaan masa kini memerlukan pelbagai kemahiran tambahan seperti kemahiran berkomunikasi (*communication skills*) dan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dalam aplikasi pekerjaan seharian. Oleh itu, perlunya diintegrasikan kemahiran-kemahiran tersebut di peringkat pengajian tinggi supaya keperluan kemahiran dalam sektor pekerjaan dapat dipenuhi. Muhamad Muda (2008) memberi empat cadangan untuk membantu menyelesaikan cabaran ini iaitu (i) Subjek-subjek bersifat professional perlu diserapkan dalam kurikulum sedia ada, (ii) Graduan yang mahir dalam kedua-dua disiplin ilmu iaitu Pengajian Islam dan ilmu professional perlu ditingkatkan bagi memenuhi keperluan sektor pekerjaan, (iii) Sokongan kuat perlu diberikan kepada pihak yang berusaha untuk meningkatkan kualiti Pengajian Islam dan (iv) Memberi masa yang secukupnya dalam proses penambahbaikan kurikulum Pengajian Islam sedia ada. Oleh yang demikian, saranan-saranan tersebut dilihat mampu memberi kesan positif kepada graduan dalam menghadapi cabaran selepas mereka tamat pengajian kelak.

Cabaran seterusnya ialah merekabentuk kurikulum holistik hasil integrasi Pengajian Islam dengan bidang ilmu moden. Abdul Shukor (2008) menyatakan bahawa sudah sampai masanya umat Islam menguasai ilmu pengetahuan bukan sahaja ilmu tradisi Islam semata-mata malahan ilmu-ilmu moden. Tujuannya untuk membantu umat Islam mencapai kejayaan dalam kehidupan serta membina semula struktur umat Islam yang lemah bagi melahirkan generasi Islam yang mahir dalam pelbagai cabang keilmuan. Sudah tiba masanya kursus Pengajian Islam diintegrasikan dengan kursus-kursus professional seperti perakaunan, kejuruteraan, perubatan, kaunseling dan sebagainya. Saranan ini selari dengan Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) yang dilancarkan oleh Perdana Menteri pada 27 Ogos 2007. Konsep modal insan yang terangkum dalam PSPTN selari dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dalam Akta Pendidikan 1996 bagi mengembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk melahirkan insan seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan (Zaini, 2009). Cabaran yang terakhir pula ialah meletakkan kedudukan Pendidikan Islam selari dalam hubungan antara agama-industri. Pendidikan Islam merupakan salah satu elemen yang boleh memacu Malaysia mencapai Wawasan 2020. Antara visi yang terkandung dalam Wawasan 2020 ialah negara Malaysia memerlukan tenaga kerja bukan hanya berpengetahuan dan berkemahiran malahan mempunyai moral dan etika yang tinggi. Dalam dunia hari ini, sektor industri memberikan perkhidmatan dan peluang pekerjaan yang cukup banyak kepada penduduk. Maka, dilihat bahawa peranan industri cukup besar dalam membentuk masyarakat yang baik, selesa dan berdaya saing. Tetapi untuk mendapat keselesaan yang sebenarnya, faktor agama perlu

dititikberatkan dalam amalan pekerjaan seharian. Pada masa kini, penghasilan makanan merupakan isu penting terutamanya dalam negara-negara Islam untuk mengatasi masalah kekurangan zat makanan dan kelaparan. Tanpa nutrisi yang cukup, masyarakat Islam tidak dapat menjalani kehidupan yang sihat dan selesa. Aplikasi teknologi seperti teknologi bio-makanan yang digunakan untuk menyelesaikan masalah kekurangan makanan dilihat memberi impak positif kepada masyarakat. Tetapi penggunaan teknologi tanpa kawalan dan menjejaskan alam sekitar mengundang risiko yang akan membahayakan pengguna. Maka, pengetahuan tentang agama khususnya Islam memandu sektor industri memanipulasi teknologi secara berhemah tanpa menafikan fungsi agama dalam memajukan sesebuah negara.

Pengajian Islam : Keberkesanan & Sambutan Masyarakat Di Malaysia

Haji Marzuki (2003) menyatakan bahawa sambutan terhadap Pengajian Islam pada masa kini dipengaruhi oleh tiga faktor utama iaitu (i) Kesedaran masyarakat terhadap kepentingan ilmu agama, (ii) Kesedaran masyarakat terhadap gejala social dan (iii) Kesedaran masyarakat terhadap dakwah Islamiah. Ini bertepatan dengan kenyataan Farid & Ibrahim (2008). Mereka mengaitkan faktor-faktor tersebut dengan sejarah masa silam Pengajian Islam. Pengajian Islam moden berbentuk sekolah telah berjaya memikat golongan Melayu khususnya di Pantai Barat Semenanjung Tanah Melayu ketika zaman pemerintahan British untuk mendalami ilmu Pengajian Islam. Kesannya, lahir kesedaran tentang pentingnya ilmu Islam yang mendorong orang Melayu menentang kehadiran British di Tanah Melayu. Penentangan terhadap ideologi dan pendidikan British berikutan penyebaran ajaran Kristian yang dipercayai semakin menular dalam masyarakat Melayu beragama Islam. Maka, faktor-faktor yang dinyatakan oleh Haji Marzuki (2008) dilihat relevan dan asas untuk membangunkan institusi masyarakat berasaskan ajaran Islam dari zaman dahulu hingga sekarang.

Seterusnya, prospek masa depan Pengajian Islam sangat cerah dan meluas berikutan proses Islamisasi dan integrasi ilmu yang diamalkan di UA masa kini. Pelbagai program ditawarkan dari peringkat diploma sehingga ke ijazah lanjutan memberi ruang kepada pelajar-pelajar melanjutkan pengajian dalam pelbagai disiplin ilmu. Abdul Manam & Kamarudin (2008) menjelaskan bahawa KUSZA (kini dikenali UniSZA) telah menawarkan pelbagai program bukan hanya Pengajian Islam semata-mata malahan pelbagai program ilmu moden. Antaranya Diploma Pengajian Islam pengkhususan Syariah, Usuluddin, Bahasa & Kesusasteraan Arab, Al-Quran & Al-Sunnah, Sejarah & Tamadun Islam, Pentadbiran Islam, Diploma Pengajian Islam dengan Teknologi Maklumat, Ijazah Sarjana Muda Pengajian Islam dengan kepujian pengkhususan dalam Syariah, Usuluddin dan Dakwah, Ijazah Sarjana Muda Sains Sosial (Antropologi dan Dakwah), Ijazah Sarjana Muda Pengajian Islam (Usuluddin dengan Kaunseling) dan ijazah lanjutan dalam bidang Antropologi, Sosiologi, Pembangunan Komuniti dan Pengajian Gender. Selain itu, ditawarkan program-program berkaitan perniagaan dan perakaunan seperti Diploma Perdagangan Antarabangsa, Diploma Pemasaran, Diploma Perakaunan, Diploma Pengurusan Sumber Manusia, Diploma Perbankan, Diploma Kewangan dan Diploma Insurans. Ini menunjukkan bahawa peluang cerah bagi pelajar lepasan sekolah khususnya sekolah agama untuk mengikuti program-program Pengajian Islam dengan tambahan kursus-kursus moden untuk memantapkan keilmuan dari segi fizikal dan spiritual.

Muhammad Syukri & Nailul Murad (2003) pula menyatakan bahawa lima bentuk institusi pendidikan aliran agama peringkat menengah yang melahirkan calon-calon ke IPTA iaitu Sekolah Menengah Agama Persekutuan (SMAP), Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA), Sekolah Menengah Agama Negeri (SMAN), Sekolah Menengah Agama Rakyat (SMAR) dan Sekolah Menengah/Kolej Agama Swasta (SMAS). Kewujudan pelbagai jenis sekolah ini menunjukkan komitmen kerajaan Malaysia untuk memartabatkan agama Islam selari dengan Perlembagaan Malaysia iaitu agama Islam sebagai agama rasmi kebangsaan. Maka, penawaran program-program Pengajian Islam di IPTA dapat memenuhi permintaan semasa pelajar-pelajar aliran agama ini untuk melanjutkan pelajaran di peringkat pengajian tinggi. Haji Marzuki (2003) menyatakan bahawa terdapat empat faktor yang dapat menjelaskan keberkesanan program Pengajian Islam di IPTA. Pertama, usaha dan dasar kerajaan untuk melaksanakan program Pengajian Islam. Kedua, penubuhan institusi pentadbiran dan pertubuhan Islam. Ketiga, kelahiran ramai profesional Islam. Keempat, kesedaran organisasi terhadap pekerja yang mempunyai latar belakang Pengajian Islam. Ini disokong oleh Abdul Shukor (2008) dengan kenyataan bahawa untuk menghadapi era globalisasi masa kini, kesedaran terhadap realiti moden perlu didedahkan iaitu umat Islam sendiri perlu memajukan diri sendiri bagi mengelakkan ketinggalan dalam pelbagai bidang ilmu moden. Selain itu, beliau juga menyatakan bahawa perlunya diberi peluang kepada para pelajar peringkat sarjana untuk menjalankan penyelidikan bagi menyelesaikan masalah umat Islam khususnya dalam konteks Malaysia berdasarkan pendekatan Islam moden dan progresif.

Islamisasi & Integrasi Ilmu Pengajian Islam

Ekoran senario isu-isu kemanusiaan bioteknologi mempunyai kaitan dengan kepercayaan dan agama khususnya umat Islam yang melibatkan hukum-hakam Islam, maka perlunya suatu usaha untuk mengintegrasikan bidang ini dengan Pengajian Islam bagi melahirkan masyarakat yang celik sains Islam. Islam merupakan dominan dalam semua cabang ilmu kerana Islam itu sendiri Ad-din yang bermaksud cara hidup (*way of life*). Oleh itu, segala amalan dan perbuatan orang Muslim perlu berlandaskan dua sumber asasi Islam iaitu Al-Quran dan Al-Hadis. Sebelum perbincangan berkenaan integrasi ini diteruskan, fokus perbincangan awal akan membincangkan cakupan ilmu Pengajian Islam dan ilmu bioteknologi. Seterusnya diperbahaskan berkenaan konsep Islamisasi ilmu dan Islamisasi sains. Kedua-dua konsep ini penting untuk dibincangkan kerana penyelidik bimbang pembaca akan menganggap konsep integrasi ilmu yang dikaji sama dengan konsep Islamisasi ilmu yang diutarakan oleh beberapa tokoh ilmuwan sejak tahun 1970-an yang dipelopori oleh Prof. Syed Muhammad Naquib Al-Attas. Hakikatnya kedua-dua konsep ini jauh berbeza walaupun pendekatan Islam yang digunakan hampir sama.

Menurut Kamus Dewan (2005) edisi keempat, perkataan Islamisasi ditakrifkan sebagai usaha (proses dan sebagainya) menjadikan patuh kepada, sejajar dengan, atau sesuai dengan ajaran (ciri-ciri) agama Islam, perihal mengislamkan dan pengislaman. Perbincangan tentang konsep Islamisasi ilmu boleh dilihat dari dua aspek berbeza iaitu perspektif sejarah dan masa kini. Mengikut sejarah, tamadun Islam mula menerima ilmu-ilmu asing selepas berlakunya gerakan penterjemahan secara produktif pada abad ke-8 Masihi terutamanya dari Greek, Parsi dan China. Ilmu-ilmu asing ini diterima dan diterjemah selepas mantapnya pembelajaran dan penghuraian ilmu-ilmu tradisional Islam serta mengambil secara selektif ilmu-ilmu tersebut yang tidak bercanggah dengan akidah umat Islam (Abdul Halim, 1999). Beberapa ilmuwan

Islam yang menerima konsep Islamisasi ilmu ini antaranya Al-Farabi dan Al-Kindi. Al-Farabi arif dalam ilmu-ilmu tradisional Islam serta menguasai ilmu-ilmu asing seperti ilmu logik, bahasa Turki, Arab, Parsi, Syria, Greek serta menguasai ilmu-ilmu Greek. Berikutan penguasaan beliau dalam kedua-dua disiplin ilmu iaitu ilmu tradisional Islam dan ilmu asing, beliau telah menyesuaikan dan mengharmonikan antara falsafah dan agama. Al-Kindi pula merupakan seorang ahli falsafah Islam dan saintis terkenal pada zamannya. Beliau juga sependapat dengan Al-Farabi dengan mengharmonikan antara falsafah dengan agama. Beliau mendefinisikan falsafah sebagai pengetahuan tentang hakikat benda-benda yang merangkumi ilmu teologi, tauhid, etika dan sebagainya. Menurut Abdul Halim (1999), beliau membuat kesimpulan bahawa terdapat empat sikap ilmu klasik Islam terhadap warisan ilmu yang diamalkan oleh ilmuwan silam. Pertamanya, mereka telah menguasai pelbagai cabang ilmu. Kedua, mereka menjadikan ilmu warisan Islam sebagai asas penelitian serta menerima ilmu warisan asing. Ketiga, mereka menyesuaikan kedua-dua ilmu warisan tersebut berlandaskan acuan Islam. Keempat, mereka berpegang kepada konsep kesatuan dan kesepaduan ilmu dengan mengutamakan ilmu tauhid sebagai paradigma ilmu. Oleh yang demikian, pengislamisasian ilmu berlaku pada zaman silam ekoran kemasukan ilmu-ilmu asing dalam tamadun Islam serta pengharmonian yang dilakukan oleh ilmuwan Islam membolehkan falsafah dan agama disesuaikan dengan konteks ajaran Islam sebenar.

Seterusnya, Islamisasi ilmu masa kini memperlihatkan ketokohan Prof. Syed Muhammad Naquib Al-Attas sebagai sarjana awal yang membahaskan Islamisasi ilmu di dalam Persidangan Dunia Pertama mengenai Pendidikan Islam di Makkah pada tahun 1970. Menurut beliau, Islamisasi ilmu ditakrifkan sebagai penyaringan ilmu yang datang dari Barat. Beliau juga menyatakan bahawa ilmu-ilmu Barat diragui ketulenannya, kesucian dan keasliannya kerana ilmu-ilmu tersebut dipengaruhi oleh unsur sekularisme dan materialisme. Penyaringan ilmu dibuat untuk membuang unsur-unsur tersebut dan dicerna semula dengan adunan unsur ilmu Islam. Adunan unsur ilmu Islam tersebut melibatkan epistemologi Islam, tasawur Islam tentang ketuhanan, kenabian, alam, manusia dan tasawuf (Abdul Halim, 2004). Maka, setelah disaring, dicerna dan diadun dengan ilmu Islam, lahirlah ilmu yang suci dan benar menurut landasan Islam. Secara dasarnya, konsep pengislamisasian ilmu boleh ditakrifkan sebagai proses penyaringan dan pencernaan ilmu warisan asing terutamanya ilmu Barat untuk diadun dengan ilmu warisan Islam bagi melahirkan ilmu-ilmu moden Barat yang tidak bercanggah dengan Islam hasil pengharmonian antara falsafah dengan agama. Maka, dilihat bahawa Islamisasi ilmu ini memberi manfaat cukup besar kepada umat Islam pada zaman dahulu dan sekarang. Dunia Barat telah menceroob dunia Islam melalui ilmu-ilmu moden yang disalurkan melalui saluran-saluran tertentu. Ilmu-ilmu moden ini yang mengenyepikan norma-norma kerohanian telah menyebabkan hilangnya halatuju umat Islam iaitu mengabdikan diri semata-mata kepada Allah s.w.t (Che Azlina, 2004). Revolusi Sains di Barat pada asalnya telah direncana oleh puak-puak Yahudi selama dua abad melalui individu mahupun organisasi. Revolusi ini menyebabkan perkembangan positif pada gagasan ilmu pengetahuan khususnya ilmu sains dan memberi manfaat kepada manusia sejagat. Namun begitu, akibat pengaruh sekularisme dalam revolusi ini, impak negatif dilihat lebih besar berbanding positif iaitu menyebabkan pemikiran manusia yang berlandaskan agama khususnya Islam telah berubah. Agenda golongan Yahudi untuk memusnahkan tamadun manusia yang berlandaskan agama dan kerohanian berjaya direalisasikan melalui revolusi ini. Ekoran kesedaran segelintir cendekiawan Islam tentang permasalahan ini, maka pengislamisasian sains merupakan jalan terbaik serta perlu dilaksanakan untuk mengembalikan manusia kepada fitrahnya (Abdul

Rahman, 2003). Oleh yang demikian, setiap orang Islam mestilah berhati-hati dalam mendalami sains dan sentiasa menanamkan keyakinan di dalam fikiran bahawa kebenaran yang hakiki itu hanyalah terdapat di dalam ayat-ayat yang diturunkan oleh Allah (Zainal Kifli, 2005).

Perkataan integrasi pula didefinisikan sebagai penggabungan atau penggabungan dua atau beberapa kaum (unsur, bahagian dan lain-lain) menjadi kesatuan dan penyatuan (Kamus Dewan, 2005). Ia berbeza dengan konsep Islamisasi ilmu berdasarkan pendekatan yang digunakan iaitu penggabungan, manakala Islamisasi melibatkan pendekatan penyaringan dan pencernaan untuk menghasilkan ilmu baru berlandaskan Islam. Konsep integrasi ilmu pula lebih menekankan sempadan atau kawalan iaitu ilmu-ilmu asing masih boleh dipelajari dan diamalkan tetapi ianya perlu digabungkan dengan ilmu agama untuk mengelakkan daripada berlaku penyelewengan, sekularisme dan kemusnahan alam. Konsep integrasi dalam korpus ilmu pengetahuan masa kini melibatkan integrasi ilmu dan agama merujuk kepada penyatuan ilmu pengetahuan dan agama Islam yang tidak terpisah antara satu sama lain (Mohd. Solikin, 2008 & Muhamad Muda, 2008). Antara IPT yang menerapkan konsep integrasi ilmu pada masa kini ialah Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya (APIUM) yang menggabungkan dan mengintegrasikan Pengajian Islam dengan pengajian moden seperti pengurusan, ekonomi dan sains komputer. Kajian-kajian lepas berkenaan integrasi Pengajian Islam banyak berkisar tentang sejarah, pembangunan IPTA berteraskan Islam dan realiti semasa Pengajian Islam dalam era globalisasi. Antaranya Muhamad Muda (2008), Wan Suhaimi & Mohd Fauzi (2008), Abdul Manam & Kamarudin (2008), Ajmain@Jamaain & Ramli (2008), Abdul Shukor (2008) dan Haji Marzuki (2003). Manakala konsep integrasi Pengajian Islam secara umum dibincangkan oleh Huzni Thooyar (t.t) dan Mohd. Solikin (2008). Dihuraikan juga Standard Program : Bioteknologi (2010) untuk meneliti konsep integrasi Pengajian Islam yang dilaksanakan dalam program-program bioteknologi di IPTA Malaysia kini.

Muhamad Muda (2008) menyatakan bahawa Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) melalui Fakulti Pengajian Islam bukan sahaja menawarkan program Pengajian Islam semata-mata malahan menggabungkan program tersebut dengan bidang-bidang lain seperti ekonomi dan ICT. Pengintegrasian ini membolehkan graduan mempelajari bidang Pengajian Islam dan pengajian moden secara bersepadu. Wan Suhaimi & Mohd Fauzi (2008) pula lebih menjurus kepada sejarah dan perkembangan masa kini Pengajian Islam di Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya (APIUM). Pada masa kini, APIUM telah menawarkan program integrasi Pengajian Islam dengan sains semenjak di peringkat asasi iaitu di APIUM Nilam Puri, Kelantan. Seterusnya, program integrasi dilanjutkan ke peringkat Program Sarjana Muda Sains Gunaan Dengan Pengajian Islam dengan sembilan pengkhususan melibatkan Sains & Pengurusan Alam Sekitar, Teknologi Maklumat, Biokimia, Bioteknologi, Ekologi & Biodiversiti, Genetik & Biologi Molekul, Mikrobiologi, Sains Biokesihatan dan Bioinformatik. Graduan sulung program integrasi yang telah dihasilkan oleh APIUM pada tahun 2007 sebanyak 39 orang yang telah menamatkan Program Sarjana Muda Sains Gunaan Dengan Pengajian Islam (UM, 2007). Ini menunjukkan bahawa Universiti Malaya bersungguh-sungguh untuk melahirkan graduan berkualiti yang mahir dalam multi-disiplin ilmu pengetahuan. Abdul Manam & Kamarudin (2008) pula membahaskan Pengajian Islam di KUSZA (sekarang dikenali UniSZA) dari sudut sejarah dan program-program yang ditawarkan sejak penubuhannya. Salah satu objektif penubuhan KUSZA ialah mewujudkan golongan profesional dan semi profesional berteraskan Islam. Maka, berdasarkan objektif tersebut, dilihat bahawa KUSZA telah pun menetapkan integrasi Pengajian Islam dengan pengajian moden merupakan sasaran untuk dicapai bagi

membangunkan masyarakat Islam. Antara program integrasi yang ditawarkan ialah Diploma Pengajian Islam dengan Teknologi Maklumat, Ijazah Sarjana Muda Sains Sosial (Antropologi dan Dakwah) dan Ijazah Sarjana Muda Pengajian Islam (Usuluddin dengan Kaunseling).

Ajmain@Jimaain & Ramli (2008) pula membahaskan berkaitan sejarah Pengajian Islam di Universiti Teknologi Malaysia (UTM). UTM melalui Pusat Pengajian Islam dan Pembangunan Sosial (PPIPS) telah menetapkan bahawa salah satu objektif penubuhan PPIPS ialah melahirkan tenaga manusia profesional yang memahami Islam dalam pelbagai sektor seperti pendidikan, pengurusan sains dan teknologi, sesuai dan selaras dengan falsafah universiti dan falsafah pendidikan negara. Maka, untuk mencapai objektif tersebut, UTM telah menawarkan beberapa program integrasi Pengajian Islam dengan bidang-bidang lain seperti Kursus Diploma dan Sarjana Muda Sains Serta Pendidikan (Pengajian Islam). Melalui program ini, pihak PPIPS dan Fakulti Pendidikan UTM telah menetapkan dua objektif utama iaitu :-

1. Graduan berkemampuan melaksanakan tugas dalam bidang Pengajian Islam dan profesion perguruan, berkemahiran dalam mengaplikasi teknologi maklumat di samping mempunyai kemahiran generik untuk melengkapkan peranan guru yang berakhlak, kreatif, inovatif dan efektif dalam kerjaya pendidikan.
2. Graduan berkemampuan menyebarkan dan mengintegrasikan ilmu-ilmu Islam dan bersedia membuat perubahan ke arah yang lebih baik dalam bidang pembelajaran dan pengajaran serta boleh melanjutkan pengajian secara berdikari dalam pengembangan pengetahuan serta kemahiran-kemahiran baru dalam bidang Pengajian Islam. Oleh itu, UTM dilihat telah berjaya melahirkan graduan integrasi aplikasi ilmu-ilmu sains dan teknologi digabungkan dengan ilmu-ilmu keislaman dalam sebuah program pendidikan (Ajmain@Jimaain & Ramli, 2008).

Kenyataan-kenyataan Muhamad Muda (2008), Wan Suhaimi & Mohd Fauzi (2008), Abdul Manam & Kamarudin (2008) dan Ajmain@Jimaain & Ramli (2008) disokong kuat oleh Abdul Shukor (2008) dan Haji Marzuki (2003). Mereka menyatakan bahawa Pengajian Islam kini perlu lebih terbuka dalam penerokaan ilmu pengetahuan bukan hanya ilmu Pengajian Islam semata-mata malahan perlu diketengahkan juga ilmu-ilmu baru dan moden seperti bioteknologi, penerokaan angkasa, ekonomi & muamalat, kewangan & sains sosial, kepimpinan & pengurusan, sains & teknologi, informasi & teknologi maklumat, pembinaan & kejuruteraan dan sebagainya. Oleh yang demikian, umat Islam perlu mengambil peluang ini bagi memajukan masyarakat dan tahap sosio-ekonomi serta budaya setanding dengan masyarakat Barat. Seterusnya, terdapat beberapa kajian telah dibuat oleh sarjana luar negara berkaitan integrasi ilmu pengetahuan khususnya Pengajian Islam. Antaranya Huzni (t.t) dan Mohd. Solikin (2008). Kedua-dua ilmunya ini membahaskan konsep pengintegrasian ilmu pengetahuan ini secara umum dan kaitannya dengan Pengajian Islam. Huzni (t.t) telah menerangkan berkaitan model-model integrasi ilmu serta keupayaan untuk membangunkan keilmuan Islam atas landasan sebenar. Menurut beliau lagi, terdapat beberapa faktor yang menyebabkan berlakunya integrasi ilmu pengetahuan khususnya Pengajian Islam. Pertama, sejarah tentang hubungan sains dengan agama. Kedua, tekanan kuat dari kalangan ilmunya yang menolak kebebasan sains. Ketiga, krisis yang berlaku dari sains dan teknologi. Keempat, umat Islam ketinggalan dalam sains dan teknologi. Faktor-faktor yang disebutkan di atas menyebabkan terhasilnya beberapa model integrasi ilmu pengetahuan iaitu:-

- i. Model IFIAS
- ii. Model ASASI
- iii. Model Islamic Worldview
- iv. Model Struktur Pengetahuan Islam
- v. Model Bucaillisme
- vi. Model Integrasi Ilmu Berteraskan Falsafah Klasik
- vii. Model Integrasi Ilmu Berteraskan Tasawuf
- viii. Model Integrasi Ilmu Berteraskan *Fiqh*
- ix. Model Kelompok Ijmali (*Ijmali Group*)
- x. Model Kelompok Aligarph (*Aligarph Group*)

Oleh yang demikian, Huzni (t.t) melalui tinjauan beliau dalam kajiannya hanya merumuskan bahawa terdapat sepuluh (10) model-model integrasi ilmu pengetahuan yang menggabungkan Pengajian Islam dengan ilmu-ilmu umum. Mohd. Solikin (2008) pula menerangkan konsep integrasi ilmu dan agama menurut Ismail Raji Al-Faruqi dan Kuntowijoyo. Dalam kajian tersebut beliau membandingkan konsep integrasi ilmu dengan agama (Pengajian Islam) melibatkan pemikiran dua tokoh tersohor Islam iaitu Ismail Raji Al-Faruqi dan intelektual Indonesia Kuntowijoyo. Hubungan antara ilmu dengan agama mengalami perubahan iaitu sama ada integrasi atau sekularisasi. Integrasi melibatkan proses menyatupadukan semula ilmu pengetahuan dengan agama Islam. Impak pemisahan kedua-duanya menyebabkan berlakunya sekularisasi yang mengakibatkan bencana dalam tamadun Islam. Konsep asas yang diketengahkan oleh Mohamad Solikin (2008) ialah integrasi ilmu pengetahuan moden/umum dan agama merujuk kepada penyatuan ilmu pengetahuan dengan agama Islam supaya tidak dipisahkan lagi. Maka, penelitian ini bersifat umum semata-mata berdasarkan perbandingan pemikiran dua tokoh terpilih sahaja. Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) telah membangunkan Standard Program bagi memperuntukkan panduan spesifik kepada pemberi pendidikan dalam bidang tertentu bagi memenuhi keperluan dan kehendak Kerangka Kelayakan Malaysia. Standard Program : Bioteknologi telah diformulasi bagi membantu pembangunan dan penjanaan program akademik dalam bidang bioteknologi pada tahap diploma hingga Ijazah Kedoktoran Falsafah. Dokumen Standard Program ini telah dibentangkan dalam bengkel pihak berkepentingan yang telah diadakan pada 15 November 2007 (MQA, 2010). Pihak MQA telah menyatakan objektif utama program bioteknologi ini adalah untuk melahirkan graduan yang berpengetahuan, berkemahiran dan mampu mengintegrasikan pengetahuan sains dan teknologi yang berkaitan dengan mengambil kira aspek etika dan tanggungjawab sosial. Objektif yang dinyatakan jelas menunjukkan komitmen pihak berkaitan pendidikan tinggi yang bersungguh-sungguh untuk melahirkan graduan yang berkualiti tinggi. Selain itu, di peringkat Diploma Bioteknologi, pelajar perlu menyempurnakan Kemahiran Generik, Kemanusiaan dan Sastera Liberal merangkumi 15-20% dari kandungan komponen reka bentuk diploma tersebut, manakala di peringkat Ijazah Sarjana Muda Bioteknologi pula, melibatkan 10-15%. Antara kemahiran yang disenaraikan ialah Pengajian Islam/Moral. Oleh yang demikian, ianya menjadi bukti bahawa integrasi ini sangat dititikberatkan dalam pengajian peringkat pendidikan tinggi.

Setelah penelitian dilakukan terhadap kajian-kajian lepas, dirumuskan bahawa kajian-kajian berkaitan integrasi Pengajian Islam boleh dibahagikan kepada dua perspektif iaitu kajian tempatan dan antarabangsa. Kajian-kajian tempatan banyak difokuskan sejarah dan perkembangan masa kini Pengajian Islam di IPTA dan IPTS. Selain itu, perbincangan pula berkisar tentang program-program Pengajian Islam yang ditawarkan di IPT masing-masing dan

sambutan masyarakat terhadap program-program tersebut. Terdapat beberapa kajian yang mengutarakan idea integrasi Pengajian Islam dengan cabang ilmu-ilmu moden dan profesional. Oleh itu, idea tentang integrasi Pengajian Islam ini telah wujud sejak beberapa dekad yang lalu. Langkah-langkah perlaksanaannya telah pun dimulakan dengan penawaran program-program integrasi. Maka, buat permulaannya integrasi Pengajian Islam di IPTA dan IPTS telah pun diaplikasikan. Cuma yang menjadi persoalannya di sini sejauh mana keberkesanan program tersebut memberi manfaat untuk penduduk sesebuah negara khususnya Malaysia. Kajian-kajian antarabangsa pula hanya menekankan aspek integrasi Pengajian Islam dengan bidang-bidang lain secara umum. Dihuraikan berkenaan konsep integrasi ilmu dan perbezaannya dengan konsep Islamisasi ilmu. Selain itu, fokus perbincangan hanya berkisar tentang idea integrasi ilmu pengetahuan dengan agama tanpa menghuraikan mekanisme pelaksanaan dan keberkesanan integrasi Pengajian Islam di IPT luar negara. Kajian berkenaan integrasi Pengajian Islam ini belum dikaji dengan mendalam berikutan idea ini baru dilaksanakan beberapa dekad yang lalu.

Kesimpulan

Ilmu Pengajian Islam mencakupi bidang pengajian yang sangat luas dan menjadi teras kehidupan bagi manusia yang beragama Islam bergelar Muslim. Lantaran itu, ilmu-ilmu baru yang terbit dari teras agama Al-Quran dan Al-Sunnah perlu diterokai oleh masyarakat dalam usaha memantapkan akidah/tauhid, ibadah dan akhlak seharian menuju kesempurnaan hakiki. Oleh itu, pengintegrasian dan pengislaman ilmu pengetahuan mampu menghasilkan ilmu baharu yang bersifat multi-disiplin yang sesuai dan selari dengan perkembangan zaman disamping berlandaskan syarak Islam yang sebenar.

Rujukan

- Abdul Halim, R. (1999). Pengislaman ilmu : suatu perspektif. *Jurnal Fikrah*, Jilid 2, 207-215.
- Abdul Halim, R. (2004). Pembaharuan sistem pendidikan Tradisional Islam dan Gerakan Islamisasi Ilmu. *Jurnal Tasawwur Islam*, Jilid 6, 42-60.
- Abdul Halim, R. (2007). *Memahami Islamisasi ilmu dari pemikiran Prof. Ismail Ragi Al-Faruqi*. Shah Alam: UPENA.
- Abdul Manam, M. & Kamaruddin, S. (2008). KUSZA Sebuah Institusi Pengajian Tinggi Islam Ulung Terengganu. Dalam *Pembangunan Pengajian Tinggi Islam di Malaysia*. Bandar Baru Nilai: USIM.
- Abdul Monir, Y. (2003). Pengajian Islam di Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta dalam *Memahami Isu-Isu Pendidikan Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: IKIM.
- Abdul Rahman, A. (2003). *Apa Itu Ilmu Sains*. Pahang: PTS Publications and Distributor Sdn. Bhd.
- Abdul Shukor, H. (2008). Pembangunan Muslim Hadhari Melalui Pendidikan Islam Era Globalisasi. Dalam *Pembangunan Pengajian Tinggi Islam di Malaysia*. Bandar Baru Nilai: USIM.

- Ajmaain@Jimaain, S. & Ramli, A. (2008). Sejarah Pengajian Islam di Universiti Teknologi Malaysia. Dalam *Pembangunan Pengajian Tinggi Islam di Malaysia*. Bandar Baru Nilai: USIM.
- Che Azlina, A. (2004). Islamisasi Sains : Signifikansi Dan Kepentingannya. *Prosiding Konferensi Akademik Universiti Teknologi MARA Pahang (KONAKA) 2004* terbitan UPENA Cawangan Pahang, Bandar Jengka. Hal. 183-187.
- Farid, M. Z. & Ibrahim, A. B. (2008). Fakulti Pengajian Islam : Sejarah Penubuhan dan Perkembangannya. Dalam *Pembangunan Pengajian Tinggi Islam di Malaysia* Bandar Baru Nilai: USIM.
- Haji Marzuki, M. (2003). Keberkesanan Dan Sambutan Masyarakat Terhadap Pengajian Islam Di Institusi Pengajian Tinggi. Dalam *Memahami Isu-Isu Pendidikan Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: IKIM.
- Huzni, T. (t.t). Model-model integrasi ilmu dan upaya membangun landasan keilmuan Islam. [http://www.ditperta.net/annualconference /ancon06/Makalah%20Husni%20Thoyyar.pdf](http://www.ditperta.net/annualconference/ancon06/Makalah%20Husni%20Thoyyar.pdf), 13 April 2012.
- Kamus Dewan* (2005). Edisi Keempat. Kuala Lumpur: DBP.
- Malaysian Qualification Agency. (2010). Standard Program : Bioteknologi. <http://www.mqa.gov.my>, 13 April 2012.
- Mohd Asri, A. et al. (2006). *Prinsip-prinsip Asas Islam : Islam dan Akidah*. Shah Alam: UPENA.
- Mohd Asri, A. et al. (2009). *Prinsip-prinsip Asas Islam : Syariah, Ibadat dan Akhlak*. Shah Alam: UPENA.
- Mohd Khairi, H. & Zulkefli, A. (2008). Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) : Dari Shah Alam ke Bandar Seri Putra. Dalam *Pembangunan Pengajian Tinggi Islam di Malaysia* Bandar Baru Nilai: USIM.
- Mohd. Bakhir, A. (2008). Pengajian Islam di UIAM Dulu dan Kini. Dalam *Pembangunan Pengajian Tinggi Islam di Malaysia*. Bandar Baru Nilai: USIM.
- Mohd. Solikin (2008). *Integrasi ilmu dan agama menurut Isma'il Raji Al-Faruqi dan Kuntowijoyo*. Fakultas Agama Islam. Surakarta: Universiti Muhammadiyah.
- Muhamad Muda (2008). Islamic Studies in Malaysian Universities : A Review of Its Progress And New Challenges. Dalam *Pembangunan Pengajian Tinggi Islam di Malaysia*. Bandar Baru Nilai: USIM.
- Muhamad Rahimi, O. & Ghazali, S. (2008). Pengalaman UiTM Dalam Pelaksanaan Pendidikan dan Tamadun Islam. Dalam *Pembangunan Pengajian Tinggi Islam di Malaysia*. Bandar Baru Nilai: USIM.
- Muhammad Syukri, S. & Nailul Murad, M. N. (2003). Kemasukan Pelajar-Pelajar Aliran Agama ke Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Prospek Masa Hadapan. Dalam *Memahami Isu-Isu Pendidikan Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: IKIM.
- Purohit, S.S. (2005). *Biotechnology : Fundamentals and Applications*. India: AGROBIOS.
- Rasid, M. (2010). *Menjejaki Keindahan Islam*. Shah Alam : UPENA.

Shaikh Mohd. Saifuddeen, S. M. S., Wan Roslili, A. M., Azrina, S. (ed.). (2005). *Sempadan Bioteknologi Menurut Perspektif Islam*. Kuala Lumpur: IKIM.

Smith, J. E. (1988). *Biotechnology*. London: Edward Arnold.

Smith, J. E. (2009). *Biotechnology*. Cambridge: Cambridge University Press.

Universiti Malaya (2007). *Istiadat Konvokesyen Universiti Malaya 2007*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Ustazi, O. (2007). *Iman : akar umbi kehidupan*. Johor Bahru: PERNIAGAAN JAHABERSA.

Wan Suhaimi, W. A. & Mohd. Fauzi, H. (2008). Pengajian Islam di Universiti Malaya : Sejarah dan Perkembangan Masa Kini. Dalam *Pembangunan Pengajian Tinggi Islam di Malaysia*. Bandar Baru Nilai: USIM.

Zainal Kifli, A. R. (2005). Mencari Kebenaran : Antara Kepercayaan Tradisional Sains Dan Agama artikel dalam *Prosiding Konferensi Akademik Universiti Teknologi MARA Pahang (KONAKA) 2005* terbitan UPENA Cawangan Pahang, Bandar Jengka. Hal. 79-84.

Zaini, U. (2009). *Mengangkasa Pengajian Tinggi*. Skudai: UTM.

Zainudin, J. (2003). Matlamat dan Peranan Penubuhan Institusi Pengajian Tinggi Islam. Dalam *Memahami Isu-Isu Pendidikan Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: IKIM.